

# 'Banyak isu perlu selesai sebelum adakan PRU'

BH  
12/12/2021  
m/s: 2

PM mahu pastikan negara keluar daripada pandemik COVID-19, bela kebajikan rakyat

dia untuk memastikan kemenangan (PRU-15). Pergi berperang dengan tidak bersedia, sudah tentu akan mendatangkan masalah.

"Adakah kita benar-benar bersedia untuk menghadapi PRU-15, sebab itu saya kata kita perlu bersabar," katanya ketika berucap merasmikan secara serentak mesyuarat Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Bera, semalam.

Ismail Sabri berkata, kemenangan Barisan Nasional (BN) pada dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka baru-baru ini tidak boleh dijadikan tanda aras bagi kemenangan BN di seluruh negara dalam PRU-15.

Katanya, ini kerana undi popular BN dalam PRN berkenaan hanya meningkat 0.88 peratus dan kira-kira 65 peratus keluar mengundi serta ramai penyokong parti lain tidak keluar mengundi.

"Saya kata PRN Melaka tidak boleh menjadi model (PRU-15), kita jaga kita, orang Bera jaga di Bera, orang negeri Kedah, Kelantan, Perak, Terengganu dan seluruh Malaysia memang tidak akan turun ke tempat lain (masa PRU-15).



Ismail Sabri berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Bera di Dewan Konvensyen Daerah Bera, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Jadi bukanlah sesuatu yang mudah untuk mengatakan kerana Melaka itu menang, maka seluruh Malaysia kita akan menang," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kes COVID-19 semakin menurun dan ekonomi negara juga dilihat semakin pulih, tugas itu masih belum berjaya dilunaskan dengan sepenuhnya.

"Saya perlu sokongan daripada parti untuk menaikkan semangat saya dalam perjuangan ini. Isu terbesar adalah isu rakyat dan bukan politik yang tak habis-habis.

"Kes memang semakin menurun tapi masih di sekitar 4,000. Jangan ingat kita dah bebas sepenuhnya daripada COVID-19

dan tanggungjawab saya masih lagi besar dan perlu saya lakukan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, cadangan pihak tertentu supaya Parlimen dibubarkan sebelum 31 Disember ini sebelum pengundi automatik 18 tahun dibenarkan Januari depan amat tidak wajar.

Katanya, niat jahat menyekat pengundi muda itu akan membawa padah kerana ia seolah-olah tidak yakin dengan kemampuan generasi muda memilih pemimpin negara.

Terdahulu dalam perkongsian menerusi Facebook pula, Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO, mengajak perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO bahagian yang memulakan

mesyuarat di seluruh negara semalam, menjadikan ia sebagai medan percambahan buah fikiran agar parti terus menjadi tiang rakyat.

Katanya, ini kerana UMNO selamanya menjadi wadah rakyat yang memayungi kesejahteraan nusa dan bangsa.

"Bulatkan tekad demi perjuangan agama, bangsa dan tanah air yang kita cintai," katanya.

Mesyuarat perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO bahagian berlangsung selama dua hari bermula semalam, sebelum disusuli Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian pada 18 Disember ini, manakala Perhimpunan Agung UMNO 2021 dijadual selama tiga hari bermula 13 Januari depan.

Oleh Roselan Ab Malek  
bhnews@bh.com.my

**Bera:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, tidak akan tergesa-gesa membubarkan Parlimen bagi mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), kerana masih ada banyak 'urusan yang belum selesai'.

Perdana Menteri berkata, ia termasuk mengemudi negara keluar daripada krisis pandemik COVID-19 dan menjamin kestabilan politik.

Katanya, beliau tidak berniat menangguhkan pilihan raya hanya untuk terus kekal memegang kuasa sebagai Perdana Menteri, sebaliknya mahu memastikan keperluan rakyat termasuk luar bandar terbela.

"Kita (UMNO) perlu bersiap se-